


Sistem tiket integrasi untuk semua perkhidmatan tren KTMB

Soalan Lazim



1 S: Apa itu KTMB Integrated Ticketing System (KITS) ?

J: KTMB Integrated Ticketing System (KITS) adalah sistem tiket integrasi yang diperkenalkan oleh KTMB pada tahun 2020 untuk pembelian tiket bagi perkhidmatan tren ETS, KTM Antarabandar, KTM Komuter (Utara) dan yang terbaharu bagi perkhidmatan tren KTM Komuter Lembah Klang.

2 S: Bilakah pembelian tiket KTM Komuter Lembah Klang melalui sistem KITS akan berkuatkuasa?

J: Pendaftaran KITS bagi pelanggan KTM Komuter Lembah Klang bermula Jun 2023 dan tarikh kuatkuasa pembelian tiket dengan menggunakan KITS akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui pengumuman rasmi dari KTMB tidak lama lagi.

3 S: Apakah medium pembelian tiket bagi semua perkhidmatan tren KTMB dengan menggunakan sistem KITS?

J:

Perkhidmatan Tren	Aplikasi KTMB Mobile	Laman Sesawang KTMB www.ktmb.com.my	Mesin Kios Tiket	Kaunter Tiket	Kad Komuter Link
ETS	✓	✓	✓	✓	✓
KTM Intercity	✓	✓	✓	✓	✓
KTM Komuter Utara & Lembah Klang	✓	✓	✓	✓	✓

4 S: Adakah semua pelanggan yang menggunakan perkhidmatan tren KTMB perlu mendaftar KITS?

J: Ya.

5 S: Bagaimanakah pelanggan boleh membuat pendaftaran KITS?

J: Pelanggan boleh membuat pendaftaran KITS melalui kaedah seperti dibawah:

No.	Medium Pendaftaran KITS
1.	Aplikasi KTMB Mobile
2.	Laman sesawang KTMB www.ktmb.com.my
3.	Kaunter Komuter Link
4.	Kaunter tiket KTMB

6 S: Apakah maklumat yang diperlukan semasa pendaftaran?

J: Maklumat yang diperlukan seperti di bawah:

- Emel
- Kata laluan
- Nama seperti di dalam MyKad
- Nombor MyKad / Passport / Dokumen sokongan
- Nombor Telefon Bimbit
- Tarikh lahir
- Jantina
- Warganegara

7 S: Mengapa pendaftaran perlu dibuat?

J: Untuk mendapatkan nombor khas pelanggan iaitu *Passenger Name Record* (PNR) bagi memudahkan pembelian tiket. Selain itu, penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini diinsurankan oleh KTMB.

8 S: Apakah kelebihan pelanggan yang berdaftar dengan KITS?

J: Pelanggan yang berdaftar akan menikmati kelebihan seperti di bawah :

- Menikmati tambang konsesi (tertakluk kepada terma dan syarat konsesi KTMB).
- Penggunaan KTM Wallet untuk pembelian tiket secara dalam talian.
- Pembelian tiket bagi semua perkhidmatan KTMB dengan menggunakan satu sistem tiket.

9 S: Adakah pelanggan Kad Komuter Link sedia ada perlu mendaftar KITS?

J: Ya, kerana KTMB akan memperkenalkan penggunaan Kad Komuter Link versi baharu yang mewajibkan setiap pelanggan untuk mendaftar KITS.

Daftar Sekarang!



Imbas untuk Pendaftaran